

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi membanteras gejala pembelian 'lesen terbang' atau palsu; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dikenakan terhadap warga asing yang memiliki 'lesen terbang'.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) telah ditubuhkan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ). Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk mengenal pasti senarai pemegang lesen yang tidak sah hasil daripada siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga siasatan Bahagian Integriti JPJ.
2. Selain itu, bagi membanteras gejala lesen terbang ini berleluasa, JPJ telah mengemas kini dan menambah baik Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) bagi pengeluaran lesen memandu kepada pemegang lesen memandu luar negara supaya proses kelulusan dibuat lebih ketat.
3. Tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah:
 - a. Menggantungkan semua proses permohonan pertukaran lesen memandu luar negara bermula pada 24 September 2018 kecuali bagi pemegang pas diplomatik dan lesen negara Singapura (bagi warganegara Malaysia yang pernah menukar lesen memandu Malaysia untuk mendapatkan lesen memandu Singapura sahaja); dan
 - b. Melantik pegawai yang lebih kanan bagi mengesahkan dan meluluskan permohonan pertukaran lesen luar negara dan kelulusan pinda butir maklumat.
4. JKSD juga berperanan untuk memantau dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi kes-kes pengeluaran lesen memandu yang tidak sah (lesen terbang).
5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejumlah lima puluh (50) kes serahan lesen terbang / tidak sah secara sukarela oleh orang

awam telah direkodkan oleh JPJ sepanjang tempoh 13 September 2018 sehingga 12 Oktober 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) kes lesen terbang telah diambil tindakan pembatalan dan baki empat puluh dua (42) kes di dalam tindakan pembatalan lesen JPJ.

6. Di samping itu juga, sebanyak empat belas (14) kes lesen terbang telah dikenal pasti oleh JPJ yang mana melibatkan kes lesen terbang yang telah melebihi tempoh penyerahan secara sukarela. Berdasarkan senarai tersebut, kesemua pemegang lesen yang tidak sah ini akan dipanggil temu siasat di bawah seksyen 114, Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. Jika didapati bersalah, individu tersebut boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 108, APJ 1987, di mana hukumannya ialah denda tidak kurang RM 5000 atau dipenjarakan tidak kurang daripada satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali. Sehingga kini belum ada sebarang pendakwaan dibuat ke atas mana-mana pemegang lesen tidak sah ini kerana kesemua kes masih dalam siasatan.

Sekian, terima kasih.